



# PROGRAMME STANDARDS:

ACCOUNTING

STANDARD PROGRAM

PERAKAUNAN

**This set of Programme Standards has been prepared to enhance the development of educational programmes in accounting and to maintain the quality of graduates. It is hoped that with this document, higher education providers will be able to provide quality education in creative multimedia and its related fields.**

Standard Program ini disediakan untuk membantu pembangunan program pendidikan dalam bidang perakaunan dan menjaga kualiti graduan. Semoga dokumen ini dapat membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) menyediakan pendidikan berkualiti dalam bidang perakaunan dan bidang yang berkaitan

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14B, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel                   +603-7968 7002  
Faks                 +603-7956 9496  
Emel                akreditasi@mqa.gov.my  
Laman web        www.mqa.gov.my

© Agensi Kelayakan Malaysia 2013

ISBN:

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Salinan cetakan boleh didapati daripada:

Bahagian Standard

Agensi Kelayakan Malaysia

## KANDUNGAN

Prakata	i
Glosari	iii
Singkatan	vi
1. PENGENALAN	1
2. MATLAMAT PROGRAM	4
3. HASIL PEMBELAJARAN	9
4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM	14
5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR	20
6. PEMILIHAN PELAJAR	25
7. STAF AKADEMIK	28
8. SUMBER PENDIDIKAN	32
9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM	34
10. KEPEMIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN	36
11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN	37
Rujukan	38
Lampiran	
Lampiran 1: Senarai Ahli Panel	39
Lampiran 2: Kerangka Konseptual Pendidikan Perakaunan	40
Lampiran 3: Badan Pengetahuan	48

Lampiran 4: Cadangan Penamaan Program	55
Lampiran 5: Senarai Undang-Undang yang Berkenaan	57

## **PRAKATA**

Dalam usaha untuk memastikan kualiti program akademik di institusi pengajian tinggi di Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menerbitkan pelbagai dokumen, antaranya ialah Kerangka Kelayakan Malaysia, Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (COPIA), Garis Panduan Amalan Baik dan Standard Program. Bagi membangunkan dan melaksanakan program pendidikan tinggi yang berkualiti di Malaysia, dokumen-dokumen ini perlu dirujuk secara bersama.

Ciri-ciri yang ditentukan oleh Standard Program memberikan garis panduan dan gambaran mengenai tahap minimum yang boleh diterima, yang merangkumi semua sembilan aspek bidang kualiti iaitu: matlamat dan hasil pembelajaran program, reka bentuk dan penyampaian kurikulum penilaian pelajar, pemilihan pelajar, staf akademik, sumber pendidikan, pemantauan dan semakan program, kepemimpinan, governan dan pentadbiran, dan penambahbaikan kualiti berterusan. Standard Program bagi Perakaunan merangkumi semua peringkat pengajian, dari sijil sehingga kedoktoran.

Standard ini telah dibentuk oleh panel yang terdiri dari pakar yang berpengalaman dalam konsultasi dari pelbagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) awam dan swasta, kementerian dan badan berkanun berkaitan, badan professional, industri berkaitan perakaunan dan juga pelajar.

Standard ini tidak bermaksud untuk memberikan ciri-ciri khusus program, terutamanya kepada perkara yang berkaitan dalam pembentukan kurikulum dan peruntukan sumber pendidikan. Standard Program ini menggalakkan kepelbagaian dan membolehkan penyedia program untuk menjadi inovatif dan dapat mengkhususkan program mereka bagi memenuhi keunikan mereka sendiri di samping memastikan mereka menghasilkan graduan yang dapat memenuhi kehendak profesion serta tanggungjawab kepada masyarakat. Terdapat beberapa contoh yang diberikan dalam Standard ini seperti pernyataan matlamat program dan hasil pembelajaran yang bertujuan untuk memberi penjelasan kepada dokumen; ia tidak bertujuan untuk diambil secara terus kata demi kata.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada semua ahli panel, kesemua pihak berkepentingan yang telah memberikan maklum balas, serta semua pegawai MQA yang telah menyumbang ke arah pembangunan Standard Program: Perakaunan.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein**

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

2013

## GLOSARI

- 1) Akauntan  
Seorang profesional yang menjalankan fungsi perakaunan. Di Malaysia, akauntan adalah ahli berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA).
- 2) Badan Profesional  
Mana-mana badan profesional perakaunan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengawal selia profesion perakaunan (MIA) dan kelayakannya atau mana-mana badan profesional perakaunan lain yang diiktiraf oleh kerajaan.
- 3) Hasil Pembelajaran  
Pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat suatu tempoh pengajian.
- 4) Jaminan Kualiti  
Jaminan kualiti merangkumi tindakan-tindakan sistematik dan terancang (dasar, strategi, sikap, prosedur dan aktiviti) bertujuan menunjukkan se jelas mungkin bahawa kualiti dicapai, dipertahan dan dipertingkatkan, selaras dengan standard khusus pengajaran, keserjanaan dan penyelidikan dan juga pengalaman pembelajaran pelajar.
- 5) Kelayakan Profesional  
Kelayakan perakaunan yang dianugerahkan oleh badan profesional yang diiktiraf oleh kerajaan.
- 6) Laporan Hala Tuju Program Perakaunan  
Laporan ini mengemukakan penemuan Jawatankuasa Penilaian Program Perakaunan yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia (MIA). Laporan ini digunakan

sebagai penanda aras bagi akreditasi program oleh pihak berkepentingan yang berkaitan.

- |   |   |
|---|---|
| 7) Latihan Industri / Latihan Praktikal | Satu jangkamasa yang ditetapkan dalam satu program yang memerlukan pelajar ditempatkan dalam suatu industri bagi membolehkannya mendapat pengalaman industri.                       |
| 8) Matlamat Program                     | Matlamat program ialah satu pernyataan menyeluruh tentang tujuan, falsafah dan rasional dalam penawaran sesuatu program.  |
| 9) Modul                                | Modul adalah komponen-komponen sesuatu program. Istilah modul digunakan secara bertukar ganti dengan istilah-istilah mata pelajaran, unit atau kursus.                              |
| 10) Modul wajib                         | Modul yang diwajibkan oleh PPT seperti Bahasa Melayu, Pengajian Malaysia, Tamadun Islam, Keusahawanan, Kemahiran Insaniah dan lain-lain.  |
| 11) Penilaian Sumatif                   | Penilaian sumatif ialah satu ringkasan penilaian kemajuan pembelajaran seseorang pelajar pada sesuatu jangka masa tertentu dan digunakan untuk penggredan kursus pelajar berkenaan. |
| 12) Penilaian Formatif                  | Penilaian terhadap kemajuan pelajar sepanjang kursus, di mana maklum balas yang diperolehi daripada aktiviti pembelajaran digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar.          |
| 13) Perakaunan                          | Perakaunan secara umumnya adalah satu proses penyediaan maklumat prestasi dan kedudukan   |



		<p>kewangan kepada pelbagai pengguna untuk menilai akauntabiliti pengurusan dan juga untuk membuat keputusan ekonomi.</p>
14) Piawaian Perakaunan yang diluluskan		<p>Piawaian perakaunan yang diguna pakai oleh <i>Malaysian Accounting Standards Board</i> dan Akauntan Negara Malaysia.</p>
15) Program		<p>Program merupakan susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan.</p>
16) Teras Umum		<p>Modul yang dianggap biasa untuk disiplin Perakaunan seperti Kewangan, Pengurusan, Pemasaran, Ekonomi, Undang-undang Perniagaan dan lain-lain.</p>
17) Teras Disiplin		<p>Modul yang dianggap spesifik bagi disiplin perakaunan yang dinyatakan dalam Standard Program ini.</p>
18) Viva Voce		<p>Peperiksaan lisan yang menilai kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan ilmiah pelajar tentang fakta berkaitan daripada tesis atau disertasi mereka.</p>

## SINGKATAN

ACCA	Association of Chartered Certified Accountants
CIMA	Chartered Institute of Management Accountants
COPIA	Code of Practice for Institutional Audit
COPPA	Code of Practice for Programme Accreditation
CPD	Continuous Professional Development
CPA Australia	Certified Practising Accountants Australia
CITM	Chartered Institute of Taxation Malaysia
GGP	Guidelines to Good Practices
HEP	Higher Education Providers
IASB	International Accounting Standards Board
ICAEW	Institute of Chartered Accountants in England and Wales
ICT	Information and Communication Technology
IELTS	International English Language Testing System
IES	International Education Standards
IFAC	International Federation of Accountants
IFRS	International Financial Reporting Standards
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards
ISA	International Standard of Auditing
IHLs	Institutions of Higher Learning
IIA	Institute of Internal Auditors
MASB	Malaysian Accounting Standards Board
MIA	Malaysian Institute of Accountants
MICPA	Malaysian Institute of Certified Public Accountants
MoE	Ministry of Education Malaysia
MQA	Malaysian Qualifications Agency
MQF	Malaysian Qualifications Framework
MQR	Malaysian Qualifications Register
MUET	Malaysian University English Test
NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PS	Programme Standards
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TOEFL	Test of English as a Foreign Language



## **PENGENALAN**

Perakaunan secara umumnya adalah satu proses penyediaan maklumat prestasi dan kedudukan kewangan kepada pelbagai lingkungan pengguna untuk menilai akauntabiliti pengurusan dan untuk membuat keputusan ekonomi. Peranan perakaunan juga adalah untuk memastikan akauntabiliti agen kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan (pengawasan pengurusan) bagi organisasi berteraskan keuntungan dan bukan berteraskan keuntungan.

Perakaunan dipengaruhi oleh persekitaran ia beroperasi. Sistem perakaunan berbeza antara satu negara dengan negara yang lain disebabkan perbezaan undang-undang, ekonomi, politik, budaya dan lain-lain. Dengan demikian, hasilnya adalah sistem perakaunan nasional yang pelbagai. Sungguhpun begitu, dalam perkembangan ekonomi global, segala maklumat kewangan antarabangsa penting untuk perbandingan oleh pihak pengurusan dan pelabur dalam membuat keputusan. Piawaian perakaunan antarabangsa menjadi penting selaras dengan perubahan dalam persekitaran ekonomi dunia yang bersifat global. Semua aspek perakaunan untuk pelbagai jenis transaksi perniagaan perlu memenuhi piawaian perakaunan antarabangsa. Pada masa kini, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) telah diterima pakai sebagai piawaian utama dan menjadi rujukan negara-negara utama dunia.

Pendidikan perakaunan perlu seiring dengan perubahan dalam sektor perniagaan dan permintaan masyarakat pada masa kini. Proses pembelajaran perakaunan tidak hanya memberi tumpuan pada aspek teknikal perakaunan semata-mata, tetapi pelajar perlu didedahkan dengan peranan perakaunan yang lebih luas dalam perniagaan dan masyarakat. Bagi melahirkan akauntan yang berkebolehan, pelajar perlu dilatih dan dididik dengan kepelbagaian tanggungjawab terhadap pihak-pihak berkepentingan. Mereka perlu berperanan sebagai agen moral dalam masyarakat untuk memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam proses perakaunan.

Dokumen Standard Program Perakaunan ini telah menerima pakai garis panduan dalam program-program pendidikan perakaunan yang ditawarkan di peringkat

pengajian tinggi di Malaysia. Standard ini meliputi kesemua sembilan kriteria Kod Amalan Jaminan Kualiti iaitu matlamat program dan hasil pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar, pemilihan pelajar, staf akademik, sumber pendidikan, pemantauan dan kajian semula program, kepimpinan, tadbir urus dan pentadbiran; dan penambahbaikan kualiti berterusan. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) perlu inovatif dan mampu menawarkan program yang mempunyai keunikan tersendiri di samping memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan profesion, industri dan masyarakat.

Dokumen Standard Program ini menyediakan panduan untuk semua peringkat program perakaunan termasuk sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran (Tahap 3 hingga Tahap 8 Kerangka Kelayakan Malaysia). Untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Standard Program ini ditanda aras dengan Laporan Hala Tuju Program Perakaunan 3 atas inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran Perakaunan, rujukan dibuat pada hgaris panduan MQA yang sedia ada iaitu Standard Program Sarjana dan Kedoktoran Secara Kerja Kursus dan Mod Campuran, dan Standard Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan. Sebagai sebahagian daripada proses penyediaan standard ini, maklum balas daripada PPT, majikan, staf akademik, pelajar dan pihak berkepentingan yang berkenaan telah diambil kira untuk memenuhi pelbagai keperluan pihak tersebut.

Dokumen Standard Program ini meliputi bidang teras perakaunan dan dibangunkan untuk memastikan graduan memenuhi keperluan profesional dan kehendak bakal majikan. Dokumen ini disediakan untuk menggalakkan kepelbagaian pendekatan dengan mengambil kira keperluan sumber manusia di peringkat nasional, global dan sosioekonomi. Dokumen ini tidak sepatutnya dianggap sebagai sukatan pelajaran. Ia juga tidak menentukan jumlah masa atau urutan setiap komponen yang diajar. PPT perlu menyusun, menyampai dan menilai bahan pengajaran program perakaunan secara kreatif dan inovatif. Standard Program ini menyediakan inventori kandungan, kaedah pelaksanaan dan penilaian program. Justeru, ia membolehkan komponen penting yang bersangkutan dengan kelayakan perakaunan dikenal pasti.

Berhubung dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Standard Program ini mengambil maklum program empat tahun yang dilaksanakan oleh PPT dan program

tiga tahun yang dilaksanakan oleh sesetengah universiti asing dan universiti swasta tempatan.

Walaupun universiti luar negara atau cawangan mereka di Malaysia bebas untuk mengekalkan amalan kampus induk, mereka harus mematuhi garis panduan MQA yang telah diterima pakai. Apabila syarat ini dipatuhi, program ijazah perakaunan tiga tahun boleh ditawarkan. Walau bagaimanapun, PPT mestilah berusaha dan bertanggungjawab untuk memastikan pelajar mereka mendapat pengiktirafan daripada badan profesional tempatan terutamanya Institut Akauntan Malaysia (IAM), dan badan profesional perakaunan antarabangsa yang diiktiraf.

Dalam membangunkan Standard Program ini, jawatankuasa menyedari tentang kepelbagaian nomenklatur dalam penawaran program perakaunan oleh PPT di Malaysia. Bagi keperluan dokumen ini, skopnya meliputi sekurang-kurangnya tiga pendekatan utama iaitu program major tunggal (contohnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan); kombinasi dengan disiplin yang lain atau dwimajor (contohnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan); dan program perakaunan dengan pengkhususan (contohnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Ekonomi). Ketiga-tiga pendekatan hendaklah memenuhi keperluan minimum dokumen Standard Program ini. Dalam menawarkan program perakaunan, PPT juga dikehendaki mematuhi peraturan MQA yang sedia ada.

Standard Program Perakaunan ini menyediakan garis panduan untuk pembentukan dan pelaksanaan pelbagai peringkat program perakaunan. Standard ini perlu dibaca bersama polisi dan dokumen jaminan kualiti yang dikeluarkan oleh MQA dan agensi berkaitan seperti:

1. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
2. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
3. Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)
4. Garis Panduan Amalan Baik (GGP) yang relevan

**LAMPIRAN 2** merupakan Rangka Kerja Konseptual Pendidikan Perakaunan dikeluarkan dalam Laporan Hala Tuju Program Perakaunan 2 yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah-kaedah untuk menjadi akauntan yang bertauliah di Malaysia juga disediakan dalam lampiran.

## MATLAMAT PROGRAM

Matlamat dijelaskan dengan pernyataan umum dan meluas terhadap tujuan pengajaran, merangkumi kandungan am dan arah tuju program.

“Matlamat sesuatu program menggambarkan apa yang perlu dicapai oleh pelajar. Adalah penting, matlamat ini disebar luas dengan jelas kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain” (COPPA, 2008, ms. 10).

### SIJIL (Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF Tahap 3)

Program perakaunan di peringkat sijil bertujuan menghasilkan pembantu perakaunan berkemahiran teknikal dan berpengetahuan asas yang boleh digunakan dalam kerjaya industri perakaunan dan perdagangan di kedua-dua sektor awam dan swasta.

Matlamat umum program sijil adalah bagi menyediakan pembantu perakaunan yang:

- i. Memahami transaksi kewangan dan mampu menyediakan rekod perakaunan untuk tujuan laporan dalaman dan luaran.
- ii. Boleh mengenal pasti isu-isu perakaunan dan berkomunikasi dengan berkesan.
- iii. Beretika dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan kepada pihak pengurusan.
- iv. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kebolehan secara berterusan.
- v. Berupaya menggunakan ICT dalam pengurusan maklumat.
- vi. Berterusan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemampuan.

### DIPLOMA (MQF Tahap 4)

Program Perakaunan di peringkat diploma bertujuan menghasilkan pentadbir perakaunan berkemahiran teknikal dan berpengetahuan asas untuk menceburi kerjaya perakaunan dalam industri dan perdagangan di sektor awam dan swasta.

Matlamat umum program untuk diploma adalah bagi menyediakan pentadbir perakaunan yang:



- i. Memahami transaksi kewangan dan mampu menyediakan rekod perakaunan untuk tujuan laporan dalaman dan luaran.
- ii. Boleh mengenal pasti isu-isu perakaunan dan berkomunikasi dengan berkesan.
- iii. Beretika dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan kepada pihak pengurusan.
- iv. Boleh memberi sokongan pentadbiran kepada pihak pengurusan.
- v. Berupaya menggunakan ICT dalam pengurusan maklumat.
- vi. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kebolehan secara berterusan.
- vii. Berupaya meneroka aktiviti keusahawanan.

### **IJAZAH SARJANA MUDA (MQF Tahap 6)**

Program perakaunan di peringkat ijazah sarjana muda bertujuan menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan graduan menjadi bakal akauntan profesional dan berkepimpinan dinamik dan inovatif dengan integriti dan nilai etika yang mulia.

Matlamat umum program untuk ijazah sarjana muda adalah bagi menyediakan graduan perakaunan yang:

- i. Boleh menyediakan rekod perakaunan dan penyata kewangan bagi tujuan laporan dalaman dan luaran.
- ii. Boleh menganalisis isu-isu perakaunan dan berkomunikasi dengan berkesan.
- iii. Boleh menilai maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan untuk tujuan membuat keputusan.
- iv. Beretika dan profesional dalam berkhidmat.
- v. Melibatkan diri dalam membuat keputusan pengurusan.
- vi. Berupaya menggunakan ICT dalam pengurusan maklumat.
- vii. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kebolehan secara berterusan.
- viii. Mampu melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan.

### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS (MQF Tahap 7)**

Program perakaunan di peringkat sarjana secara kerja kursus adalah untuk menyediakan graduan dengan pengetahuan dan keupayaan lanjutan supaya dapat

menggunakan pengetahuan perakaunan yang berkaitan dalam menyelesaikan masalah organisasi yang kompleks.

Tujuan generik ijazah sarjana secara kerja kursus adalah untuk melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berikut:

- i. Membuat pertimbangan dengan menggunakan pengetahuan dan kefahaman untuk menyediakan perkhidmatan perakaunan untuk tujuan pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan sektor kerajaan.
- ii. Memimpin dan melibatkan diri dalam pasukan pengurusan untuk meneroka penyelesaian masalah dan menyumbang pengetahuan baru dalam disiplin dan merentas disiplin melalui kebolehan berkomunikasi yang berkesan.
- iii. Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman secara berterusan untuk memajukan sektor pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan kerajaan.
- iv. Mengamalkan nilai etika dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan untuk tujuan sektor pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan kerajaan.

### **IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN (MQF Tahap 7)**

Program perakaunan di peringkat sarjana secara mod campuran adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan keupayaan lanjutan supaya dapat menggunakan pengetahuan perakaunan yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah perniagaan yang kompleks dan menjalankan penyelidikan. Dalam menyediakan pelajar untuk menjalankan penyelidikan, mereka dikehendaki untuk mengaplikasi metodologi penyelidikan yang berbeza dalam bidang perakaunan, merumuskan idea-idea penyelidikan yang dilaksanakan, menilai maklumat secara kritikal untuk mengenal pasti jurang pengetahuan, menganalisis data menggunakan teknik kualitatif/kuantitatif dan membentangi hasil penyelidikan.

Tujuan generik ijazah sarjana secara mod campuran adalah untuk melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berikut:

- i. Membuat pertimbangan dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan pengalaman penyelidikan untuk menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan

perakaunan yang berkualiti kepada pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan sektor kerajaan.

- ii. Memimpin dan melibatkan diri dalam pengurusan dan/atau penyelidikan pasukan untuk meneroka penyelesaian masalah dan menyumbang pengetahuan baru dalam disiplin dan merentas disiplin melalui kebolehan berkomunikasi yang berkesan.
- iii. Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman secara berterusan untuk memajukan sektor pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan kerajaan.
- iv. Mengamalkan nilai etika dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan kepada sektor pendidikan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan kerajaan.

### **IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN (MQF Tahap 7)**

Program perakaunan di peringkat sarjana secara penyelidikan menyediakan pelajar dengan pengetahuan perakaunan yang meluas dan mendalam melalui penyelidikan. Ia harus menggalakkan proses sendiri dalam penyelesaian masalah, pengimbasan, penilaian, penganalisan dan sintesis bidang pengkhususan. Program ini sesuai untuk graduan perakaunan yang ingin melanjutkan kerjaya dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

### **PHD SECARA MOD CAMPURAN (MQF Tahap 8)**

Tujuan generik PhD secara mod campuran adalah untuk melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berikut:

- i. Menyediakan asas yang kukuh untuk mensintesis pengetahuan perakaunan yang sedia ada dan menjalankan penyelidikan yang meluaskan sempadan pengetahuan perakaunan.
- ii. Melengkapkan graduan dengan pengetahuan yang mendalam mengenai teori dan amalan perakaunan lanjutan.
- iii. Memberi kemahiran penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan bebas yang berkualiti tinggi.
- iv. Menyediakan graduan untuk mengaplikasi kemahiran dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya
- v. Memantapkan kemahiran komunikasi berkesan dalam penulisan dan lisan.

vi. Melengkapkan graduan dengan keupayaan untuk menyelia penyelidikan.

### **PhD SECARA PENYELIDIKAN (MQF Tahap 8)**

Program perakaunan di peringkat PhD secara penyelidikan menghasilkan graduan dengan pengetahuan mendalam dan keupayaan menjalankan penyelidikan yang menyumbang kepada ilmu perakaunan dan membantu penggubalan dasar.

## HASIL PEMBELAJARAN

Hasil Pembelajaran adalah kenyataan terperinci diterangkan dengan jelas berkenaan pencapaian pelajar dan akan dinilai setelah tamat tempoh pengajian.

"Kualiti program akhirnya akan ditentukan oleh keupayaan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan dalam masyarakat. Hal ini memerlukan satu pernyataan jelas tentang hasil pembelajaran yang diharap dicapai oleh pelajar tersebut" (COPPA, 2008, ms. 11).

Hasil pembelajaran secara **kumulatifnya harus mencerminkan 8 domain hasil pembelajaran** yang signifikan bagi Malaysia (MQF, 2007, ms. 4) dan yang berkaitan dengan pelbagai peringkat taksonomi sewajarnya, sejajar dengan perkembangan negara dan global.

Lapan domain hasil pembelajaran adalah:

- i. pengetahuan;
- ii. kemahiran praktikal;
- iii. kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- iv. nilai, sikap dan profesionalisme;
- v. kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- vi. kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
- vii. kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- viii. kemahiran mengurus dan keusahawanan.

## SIJIL

Apabila tamat pengajian, graduan harus mampu untuk:

- i. menerangkan peranan perakaunan dalam organisasi sektor swasta dan awam;
- ii. mengenal pasti maklumat kewangan bagi penyediaan rekod perakaunan;
- iii. menyediakan set akaun yang lengkap untuk perniagaan persendirian dan perkongsian;
- iv. menyediakan maklumat penentuan kos;

- v. menggunakan teknologi maklumat untuk merekodkan maklumat perakaunan;
- vi. menerangkan kepentingan nilai, etika, akauntabiliti dan profesionalisme dalam kerja masing-masing;
- vii. berkomunikasi secara berkesan dengan kumpulan pengurusan; dan
- viii. mengenal pasti peluang untuk pembelajaran sepanjang hayat.

## **DIPLOMA**

Apabila tamat pengajian, graduan harus mampu untuk:

- i. menjelaskan peranan perakaunan dalam organisasi sektor swasta dan awam;
- ii. mengenal pasti maklumat kewangan dan bukan kewangan bagi membantu pembuatan keputusan;
- iii. menyediakan set akaun yang lengkap untuk perniagaan persendirian, perkongsian dan syarikat;
- iv. menyediakan maklumat penentuan kos dan perakaunan pengurusan;
- v. membantu penyediaan pengiraan cukai, proses audit dan tugas kewangan;
- vi. mengaplikasi teknologi maklumat untuk merekodkan maklumat perakaunan;
- vii. menerapkan nilai, etika, akauntabiliti dan profesionalisme dalam kerja masing-masing;
- viii. menerapkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan;
- ix. berkomunikasi secara berkesan dengan kumpulan pengurusan; dan
- x. mengambil peluang pembelajaran sepanjang hayat.

## **IJAZAH SARJANA MUDA**

Apabila tamat pengajian, graduan harus mampu untuk:

- i. menilai peranan perakaunan dalam organisasi sektor swasta dan awam;
- ii. menyediakan penyata kewangan mengikut keperluan piawai perakaunan yang diiktiraf;
- iii. menyediakan maklumat kewangan dan bukan kewangan bagi membantu organisasi membuat keputusan;
- iv. menginterpretasi dan menilai maklumat kewangan dan bukan kewangan bagi membantu pembuatan keputusan;
- v. mengguna dan menilai teknologi dan sistem maklumat untuk mencapai objektif organisasi;

- vi. melaksanakan pengiraan cukai dan memahami khidmat nasihat cukai individu dan entiti perniagaan;
- vii. melaksanakan audit terhadap entiti perniagaan selaras dengan piawaian audit yang sah dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian.
- viii. Mengaplikasi pengetahuan secara inovatif, berfikir secara kritikal dan mencadangkan penyelesaian yang munasabah terhadap isu-isu perakaunan.
- ix. mengintegrasikan pengetahuan lain berkaitan organisasi dan pengurusan dan menggunakannya dalam bidang utama perakaunan;
- x. bekerja secara kolaboratif dalam satu pasukan pengurusan;
- xi. berkomunikasi dengan berkesan sama ada secara lisan mahupun penulisan dengan pelbagai pihak berkepentingan;
- xii. mempamerkan tingkah laku yang konsisten dengan etika profesional dan tanggungjawab sosial;
- xiii. mempamerkan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan; dan
- xiv. menunjukkan komitmen bagi pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan profesional.

## **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS**

Apabila tamat pengajian, graduan harus mampu untuk:

- i. menunjukkan pemahaman lebih lanjut mengenai ilmu pengetahuan perakaunan;
- ii. mengaplikasikan kemahiran berkaitan dalam pelbagai bidang perakaunan;
- iii. menganalisis secara kritikal penyata kewangan dan laporan perniagaan;
- iv. menunjukkan kebolehan inovatif dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta mencadangkan penyelesaian sewajarnya bagi menangani isu-isu perakaunan;
- v. mengaitkan idea kepada isu-isu perniagaan dan kemasyarakatan dalam bidang yang berkaitan;
- vi. menjana penyelesaian masalah dengan menggunakan kemahiran analitikal dan pemikiran kritikal;
- vii. mengurus informasi untuk pembelajaran sepanjang hayat;
- viii. menerapkan nilai, etika, moral dan profesionalisme dalam profesion; dan
- ix. mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan dalam kalangan rakan sekerja dan pihak berkepentingan.

### **IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN**

Apabila tamat pengajian graduan harus mampu untuk:

- i. menunjukkan pemahaman lebih lanjut mengenai ilmu pengetahuan perakaunan;
- ii. mengaplikasikan kemahiran berkaitan dalam pelbagai bidang perakaunan;
- iii. menganalisis secara kritikal penyata kewangan dan laporan perniagaan;
- iv. menunjukkan kebolehan inovatif dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta mencadangkan penyelesaian sewajarnya bagi menangani isu-isu perakaunan;
- v. mengaitkan idea kepada isu-isu perniagaan dan kemasyarakatan dalam bidang yang berkaitan;
- vi. menjana penyelesaian masalah dengan menggunakan kemahiran analitikal dan pemikiran kritikal;
- vii. menjalankan projek penyelidikan yang sesuai;
- viii. mengurus informasi untuk pembelajaran sepanjang hayat;
- ix. menerapkan nilai, etika, moral dan profesionalisme dalam profesion; dan
- x. mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan dalam kalangan rakan sekerja dan pihak berkepentingan.

### **IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN**

Apabila tamat pengajian graduan harus mampu untuk:

- i. menunjukkan pemahaman lebih lanjut mengenai ilmu pengetahuan perakaunan;
- ii. menunjukkan kebolehan inovatif dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta mencadangkan penyelesaian sewajarnya bagi menangani isu-isu perakaunan;
- iii. mengaitkan idea kepada isu-isu perniagaan dan kemasyarakatan dalam bidang yang berkaitan;
- iv. menjana penyelesaian masalah dengan menggunakan kemahiran analitikal dan pemikiran kritikal;
- v. menilai literatur secara kritikal untuk mengenal pasti jurang pengetahuan, mengapikasi metodologi penyelidikan yang sesuai, menganalisis data dengan menggunakan teknik kualitatif/kuantitatif dan menginterpretasi penemuan penyelidikan;
- vi. membentangkan penemuan penyelidikan;



- vii. menjalankan projek penyelidikan yang sesuai;
- viii. mengurus informasi untuk pembelajaran sepanjang hayat;
- ix. menggunakan nilai, etika, moral dan profesionalisme dalam profesion; dan
- x. mempamerkan kepimpinan berkualiti melalui komunikasi dan kerjasama berkesan dalam kalangan rakan sekerja dan pihak berkepentingan.

### **PhD SECARA MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

Apabila tamat pengajian graduan harus mampu untuk:

- i. menilai secara kritikal dan mensintesis ilmu pengetahuan sedia ada dan mengenal pasti jurang pengetahuan dalam bidang perakaunan;
- ii. menunjukkan kebolehan inovatif dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta mencadangkan penyelesaian sewajarnya bagi menangani isu-isu perakaunan;
- iii. mengaplikasikan teori yang berkaitan dalam penyelidikan perakaunan dan penggubalan polisi;
- iv. membangun idea baru untuk menjana sumbangan asli kepada badan pengetahuan perakaunan (*body of accounting knowledge*);
- v. merancang dan menjalankan secara berdikari penyelidikan berkualiti tinggi serta patuh pada perundangan, etika dan kod amalan profesional;
- vi. menyampaikan hasil penyelidikan secara berkesan dalam bentuk bertulis atau lisan;
- vii. mempamerkan keserjanaan pada tahap yang tinggi dalam bidang penyelidikan mereka;
- viii. mengurus informasi untuk pembelajaran sepanjang hayat;
- ix. menerapkan nilai, etika, moral dan profesionalisme dalam profesion; dan
- x. mempamerkan kepimpinan berkualiti dan mengaitkan pengetahuan mereka mengenai impak perakaunan berunsur sosial, ekonomi, budaya, perundangan dan persekitaran dalam konteks global.

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

“Istilah ‘reka bentuk kurikulum dan penyampaian’ digunakan secara bertukar ganti dengan istilah ‘reka bentuk dan penyampaian program’. ‘Program’ bermaksud susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan” (COPPA, 2008, ms.12).

Bahagian ini dalam Standard Program mengandungi pernyataan yang berkaitan dengan struktur dan penyampaian program dalam bidang perakaunan. Matriks di bawah mewakili keperluan minimum bagi semua peringkat kelayakan. **LAMPIRAN 3** menggariskan keperluan khusus untuk badan pengetahuan dan menunjukkan topik untuk tahap dan disiplin yang berbeza. **LAMPIRAN 4** menggariskan cadangan penamaan program yang disyorkan untuk tahap yang berbeza.

Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) digalakkan untuk membangunkan program yang mencerminkan amalan terbaik semasa dan mencapai tahap yang lebih tinggi.

Latihan industri adalah penting dalam membangunkan kematangan dan pengalaman pelajar. Oleh itu, PPT perlu memperuntukkan bilangan minimum unit untuk tujuan tersebut berdasarkan kepada formula 1 kredit = 2 minggu latihan.

SIJIL		
Kredit Bergraduat Minimum - 60		
Komponen	Peratusan (%)	Kredit
Modul wajib (Umum* dan modul PPT)	15 - 20	9 - 12
Teras umum	20 - 30	12 - 18
Teras disiplin	50 - 60	30 - 36
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>60</b>

\*7 - 9 kredit yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Kelas praktikal
- Latihan makmal komputer
- Lawatan lapangan
- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

<b>DIPLOMA</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum - 90</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul wajib (Umum* dan modul PPT)	15 - 20	14 - 18
Teras umum	20 - 30	18 - 27
Teras disiplin	50 - 60	45 - 54
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>90</b>

\*9 - 11 kredit yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Kelas praktikal
- Latihan makmal komputer
- Lawatan lapangan
- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

<b>IJAZAH SARJANA MUDA</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum - 126</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul wajib (Umum* dan modul PPT)	20 - 30	18 - 27
Teras umum	20 - 30	18 - 27
Teras disiplin	40 - 50	52 - 65
Elektif	6 - 10	8 - 12
Latihan industri**	6 - 10	8 - 12
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>126</b>

\*12 - 14 kredit yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

\*\* Latihan Industri perlu dilaksanakan dalam bidang perakaunan dan bidang yang berkaitan dengan pemantauan yang baik.

#### **Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Latihan makmal komputer
- Lawatan lapangan
- Kajian kes
- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

<b>IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum - 40</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Teras umum	15 - 22.5	6 - 9
Teras disiplin	60	24
Elektif / Pengkhususan	15 - 22.5	6 - 9
Kertas projek / Projek penyelidikan	7.5 - 15	3 - 6
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>40</b>

Nota: Komponen kerja kursus wajib merangkumi kursus teori dan metodologi penyelidikan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Lawatan lapangan
- Tugas berasaskan projek
- Kajian artikel dan kritikan
- Seminar / Persidangan mini
- Pembentangan oleh penceramah jemputan / Pakar Bidang
- Kajian kes
- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

<b>IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 40</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Teras umum	15 - 30	6 - 12
Teras disiplin	15 - 30	6 - 12
Disertasi	50 - 70	20 - 28
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>40</b>

Nota:

1. Komponen kerja kursus wajib merangkumi kursus teori dan metodologi penyelidikan.
2. Nisbah kerja kursus kepada penyelidikan ialah antara 50:50 atau 40:60 atau 30:70.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Seminar
- Latihan makmal komputer
- Kajian kes

- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN Tanpa Nilai Kredit	
Komponen	Catatan
Disertasi	100%
Metodologi penyelidikan	Wajib
Modul prasyarat yang berkaitan	Pilihan

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kolokium
- Latihan makmal komputer
- Konsultasi / Penyeliaan
- Kajian lapangan

PhD SECARA MOD CAMPURAN Kredit Bergraduat Minimum – 80		
Komponen	Peratusan (%)	Kredit
Teras disiplin	15 - 30	12 - 24
Teras umum	15 - 30	12 - 24
Tesis	50 - 70	40 - 56
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>80</b>

**Nota:**

1. Komponen kerja kursus wajib merangkumi kursus yang berkaitan dengan teori perakaunan dan metodologi penyelidikan.
2. Nisbah kerja kursus kepada penyelidikan ialah antara 50:50 atau 40:60 atau 30:70.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah berasaskan seminar
- Kolokium
- Latihan makmal komputer
- Kajian kes

- Pembelajaran berasaskan masalah
- Pembelajaran campuran
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)
- Konsultasi / Penyeliaan
- Kajian lapangan

<b>PhD SECARA PENYELIDIKAN Tanpa Nilai Kredit</b>	
<b>Komponen</b>	<b>Catatan</b>
Tesis	100%
Metodologi penyelidikan	Wajib
Modul prasyarat yang berkaitan	Pilihan

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kolokium
- Latihan makmal komputer
- Konsultasi / Penyeliaan
- Kajian lapangan

## PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

“Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran. Ia merupakan salah satu langkah yang amat berguna untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran. Hasil penilaian ini juga merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta selari dengan amalan-amalan terkini dan mesti secara jelas membantu pencapaian hasil pembelajaran” (COPPA 2010, ms.22).

Kaedah penilaian bergantung pada keperluan spesifik setiap modul. Walau bagaimanapun, sebagai panduan umum, perkara berikut perlu diambil kira:

- i. Penilaian formatif dan sumatif.
- ii. Pengetahuan dan pemahaman (domain kognitif) terhadap teori dan kemahiran praktikal perlu dinilai melalui penulisan, lisan atau kaedah lain yang sesuai.
- iii. Gabungan pelbagai kaedah penilaian untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran perlu digunakan.
- iv. Penilaian mestilah merangkumi penilaian berterusan dan penilaian akhir.
- v. Jenis penilaian yang dinyatakan sebagaimana berikut merupakan contoh sahaja. PPT digalakkan untuk menggunakan pelbagai kaedah dan alat yang sesuai untuk menilai hasil pembelajaran dan kecekapan.

Secara umumnya, pelajar dinilai mengikut kesesuaian melalui:

- i. Formatif
  - a) kerja kursus – tugas, kuiz, analisis kes;
  - b) projek – individu/kumpulan, perisian audit/perakaunan, analisis laporan tahunan; dan
  - c) lain-lain – penyertaan kelas, aktiviti kumpulan, pembentangan laporan latihan industri, dan aktiviti simulasi.

Penilaian formatif dapat menilai pengetahuan, pemikiran kritikal, praktikal, teknikal, profesional, saintifik dan kemahiran menyelesaikan masalah. Penilaian ini juga



meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, kemahiran organisasi, pembelajaran sepanjang hayat dan profesionalisme pelajar.

- ii. Sumatif
  - a) Peperiksaan

Bagi ijazah sarjana dan PhD, penilaian perlu meliputi seperti berikut.

- i. Penilaian formatif wajib merangkumi:
  - a) Pemantauan berkala kemajuan penyelidikan (contoh, melalui laporan kemajuan atau pembentangan cadangan penyelidikan).
  - b) Pembentangan penyelidikan/kolokium/seminar/bengkel.

Kaedah tersebut akan meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, kemahiran organisasi, pembelajaran sepanjang hayat dan profesionalisme pelajar.

- ii. Penilaian sumatif diguna untuk menilai semua hasil pembelajaran program sarjana, dan wajib merangkumi:
  - a) Menyelesaikan semua kursus yang telah ditetapkan;
  - b) disertasi; dan
  - c) viva voce (wajib untuk Ijazah Sarjana secara penyelidikan).
- iii. Penilaian sumatif digunakan untuk menilai semua hasil pembelajaran program kedoktoran, dan wajib meliputi:
  - a) Menyelesaikan semua kursus yang telah diwajibkan;
  - b) tesis; dan
  - c) viva voce.

Bentuk penilaian yang dicadangkan adalah **contoh**. PPT digalakkan menggunakan pelbagai kaedah dan alat yang sesuai bagi mengukur hasil pembelajaran dan kompetensi.

KELAYAKAN	MODUL		CADANGAN BENTUK PENILAIAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
Sijil	40 – 50	50 – 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas individu/berkumpulan</li> <li>• Ujian/Kuiz</li> <li>• Pembentangan</li> <li>• Peperiksaan pertengahan semester</li> <li>• Peperiksaan akhir semester (wajib)</li> </ul>
Diploma	40 – 50	50 – 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas individu/berkumpulan</li> <li>• Ujian/Kuiz</li> <li>• Pembentangan</li> <li>• Peperiksaan pertengahan semester</li> <li>• Peperiksaan akhir semester (wajib)</li> </ul>
Ijazah Sarjana Muda	40 - 50	50 - 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas individu dan berkumpulan</li> <li>• Penilaian praktikal</li> <li>• Penilaian latihan industri (wajib)</li> <li>• Projek</li> <li>• Pembentangan</li> <li>• Penilaian bertulis</li> <li>• Ujian/Kuiz</li> <li>• Peperiksaan pertengahan semester</li> <li>• Peperiksaan akhir semester (wajib)</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		CADANGAN BENTUK PENILAIAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian perisian perakaunan / audit</li> <li>• Laporan tahunan analisis</li> <li>• Analisis kes</li> <li>• Penglibatan komuniti</li> </ul>
Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus	50 – 70	30 - 50	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan</li> <li>• Kerja seminar</li> <li>• Penilaian bertulis</li> <li>• Peperiksaan akhir (wajib)</li> <li>• Projek penyelidikan</li> </ul>
Ijazah Sarjana Secara Mod Campuran  Kerja Kursus Disertasi	50 – 70  0	30 – 50  100	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan</li> <li>• Kerja seminar</li> <li>• Penilaian bertulis</li> <li>• Peperiksaan akhir (wajib)</li> <li>• Disertasi (wajib)</li> <li>• Viva-voce</li> </ul>
Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan  Disertasi	0	100	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan</li> <li>• Kerja seminar</li> <li>• Disertasi (wajib)</li> <li>• Viva-voce (wajib)</li> </ul>
PhD Secara Mod Campuran  Kerja Kursus	50 – 100	0 – 50	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian bertulis</li> <li>• Pembentangan cadangan penyelidikan</li> <li>• Pembentangan</li> <li>• Tesis (wajib)</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		CADANGAN BENTUK PENILAIAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
Tesis	0	100	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Viva-voce (wajib)</li> </ul>
PhD Secara Penyelidikan			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan cadangan penyelidikan</li> <li>• Pembentangan</li> </ul>
Tesis	0	100	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tesis (wajib)</li> <li>• Viva-voce (wajib)</li> </ul>

Nota:

Komposisi pemeriksa disertasi / tesis adalah seperti berikut:

- i. Ijazah sarjana secara mod campuran  
Disertasi wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 2 pemeriksa.
- ii. Ijazah sarjana secara penyelidikan  
Disertasi sarjana wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 2 pemeriksa, 1 daripadanya ialah pemeriksa luar.
- iii. PhD secara campuran  
Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 2 pemeriksa, 1 daripadanya ialah pemeriksa luar.
- iv. PhD secara penyelidikan  
Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 3 pemeriksa, 2 daripadanya ialah pemeriksa luar.

## **PEMILIHAN PELAJAR**

Bahagian ini berkaitan dengan pengambilan pelajar untuk program pengajian. Pada amnya, polisi kemasukan pelajar untuk suatu program adalah berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Terdapat perbezaan pandangan tentang kaedah terbaik pemilihan pelajar. Namun, apa jua kaedah yang digunakan, pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mestilah berupaya untuk mempertahankan ketekalannya. Bilangan pelajar yang bakal diterima masuk ke sesuatu program ditentukan oleh kapasiti PPT berkenaan dan bilangan pemohon yang berkecukupan. Dasar kemasukan dan pengekalan pelajar sesebuah PPT itu tidak harus dikompromi semata-mata kerana hasrat PPT untuk mengekalkan bilangan pengambilan pelajar yang tertentu. Sekiranya PPT itu mengendalikan beberapa kampus yang berbeza lokasinya, atau sekiranya sesuatu program itu merupakan program yang dikendalikan secara kerjasama, pemilihan dan penempatan semua pelajar mestilah konsisten dengan dasar kebangsaan” (COPPA, 2010, ms.17).

Standard ini digubal dengan mengambil kira dasar pendidikan tinggi negara secara generik, yang berkaitan dengan syarat kemasukan pelajar yang minimum. PPT perlu mengambil kira dasar-dasar tertentu yang boleh digunakan di institusi masing-masing. Standard minimum untuk pemilihan pelajar ke program perakaunan adalah seperti berikut:

### **SIJIL**

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan kredit dalam Matematik, dan lulus Bahasa Inggeris;

### **ATAU**

- ii. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang yang berkaitan dan lulus SPM dengan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris.

**DIPLOMA**

- i. Lulus SPM atau setaraf dengan minimum 3 kredit termasuk Matematik, dan lulus Bahasa Inggeris;

**ATAU**

- ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf, dengan minimum Gred C (NGMP 2.0) dalam mana-mana subjek, dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan minimum gred *Maqbul* dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- iv. Lulus SKM Tahap 3 dalam bidang yang berkaitan dan lulus SPM dengan minimum 1 kredit dalam mana-mana subjek dengan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- v. Sijil atau yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan.

**IJAZAH SARJANA MUDA**

Malaysian University English Test (MUET) Band 2 **DAN**

- i. Lulus STPM atau yang setaraf, dengan minimum Gred C+ (NGMP 2.33) dalam mana-mana dua mata pelajaran, dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- ii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan minimum gred *Jayyid*, dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- iii. Diploma dalam perakaunan atau bidang berkaitan, atau setaraf dengan minimum PNGK 2.50, dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

**ATAU**

- iv. Kelayakan Matrikulasi / Asasi atau setaraf dengan minimum CGPA 2.50, dan kredit dalam Matematik dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM.

## **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS, MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

- i. Ijazah sarjana muda dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan dengan minimum PNGK 2.75 sebagaimana yang diterima oleh Senat PPT;  
**ATAU**
- ii. Ijazah sarjana muda dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan tidak memenuhi PNGK 2.75 tetapi melebihi PNGK 2.50 boleh diterima, tertakluk kepada penilaian dalaman PPT yang rapi;  
**ATAU**
- iii. Kelayakan perakaunan profesional yang berkaitan setaraf dengan ijazah sarjana muda yang diterima oleh Senat PPT;  
**ATAU**
- iv. Kelayakan lain yang setaraf dengan ijazah sarjana muda dengan minimum PNGK 2.75 sebagaimana yang diterima oleh Senat PPT;  
**ATAU**
- v. Ijazah sarjana muda dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan di bawah PNGK 2.50 boleh diterima, tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan.

## **PhD SECARA KERJA KURSUS, MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

- i. Ijazah sarjana dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan seperti yang diterima oleh Senat PPT;  
**ATAU**
- ii. Kelayakan lain yang setaraf dengan ijazah sarjana sebagaimana yang diterima oleh Senat PPT.

**Bagi pelajar antarabangsa, skor TOEFL 550 ATAU skor IELTS 5.5 ATAU yang setaraf.**

## STAF AKADEMIK

“Kualiti staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan dasar berhubung pengambilan staf yang tepat dan berkesan, perkhidmatan, pembangunan dan penilaian tenaga akademik yang kondusif terhadap produktiviti staf” (COPPA, 2010, ms.29).

### SIJIL

Kelayakan staf akademik:

- i. Ijazah sarjana muda atau kelayakan profesional dalam bidang perakaunan;  
**ATAU**
- ii. Diploma dalam perakaunan atau setara dengan minimum 2 tahun pengalaman industri yang berkaitan dalam perakaunan (Program ini tidak seharusnya mengambil lebih daripada 30% staf dalam kategori ini).

Nisbah staf akademik:

- Staf sepenuh masa dan staf sambilan – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa
- 20% staf mempunyai minimum 2 tahun pengalaman industri dalam bidang yang berkenaan
- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:30

### DIPLOMA

Kelayakan staf akademik:

- Ijazah sarjana muda atau kelayakan profesional dalam bidang perakaunan

Nisbah staf akademik:

- Staf sepenuh masa dan staf sambilan – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa
- 20% staf mempunyai minimum 2 tahun pengalaman industri dalam bidang yang berkenaan
- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:30



## **IJAZAH SARJANA MUDA**

Kelayakan staf akademik:

- i. Ijazah sarjana dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan dan ijazah sarjana muda dalam bidang perakaunan;  
**ATAU**
- ii. Ijazah sarjana dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan dan kelayakan profesional perakaunan yang diiktiraf;  
**ATAU**
- iii. Ijazah sarjana muda dalam bidang perakaunan dan kelayakan profesional yang diiktiraf dalam bidang yang berkaitan dengan 3 tahun pengalaman bekerja;  
**ATAU**
- iv. Ijazah sarjana muda dalam bidang yang berkaitan dan kelayakan profesional perakaunan yang diiktiraf dengan 3 tahun pengalaman bekerja.

Nisbah staf akademik:

- Staf sepenuh masa dan staf sambilan – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa
- 30% daripada staf mempunyai pengalaman industri dalam bidang yang berkaitan
- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:30

## **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS, MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

Kelayakan staf akademik:

Memenuhi keperluan untuk mengajar ijazah sarjana muda seperti di atas DAN

- i. PhD dalam perakaunan atau bidang berkaitan;  
**ATAU**
- ii. Ijazah sarjana dalam bidang perakaunan atau dalam bidang yang berkaitan dengan 5 tahun pengalaman kerja yang relevan dalam mata pelajaran yang diajar.

Kelayakan akademik penyelia:

Memenuhi keperluan untuk mengajar ijazah sarjana muda seperti di atas DAN

- i. PhD dalam perakaunan atau bidang berkaitan;

**ATAU**

- i. Ijazah sarjana dan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman kerja yang berkenaan.

Untuk kes-kes tertentu jika perlu, penyelia bersama boleh dilantik di kalangan pakar industri, tertakluk kepada kelulusan Senat PPT.

Nisbah staf akademik:

- Staf sepenuh masa dan staf sambilan – sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa.
- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:15
- Nisbah keseluruhan staf-penyelia – 1:7\*

Untuk penyeliaan ijazah sarjana secara mod campuran dan secara penyelidikan:

- i. Penyelia mesti merupakan kakitangan sepenuh masa PPT yang menganugerahkan, jika hanya ada satu penyelia.
- ii. Penyelia utama mesti merupakan kakitangan sepenuh masa PPT yang menganugerahkan, jika terdapat lebih daripada seorang penyelia.

**PHD SECARA MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

- i. Staf mesti mempunyai PhD dalam bidang perakaunan atau bidang yang berkaitan, dan pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun:
  - a) Dalam pengajaran dan penyelidikan; **ATAU**
  - b) sebagai penyelia bersama.
- ii. Bagi penyelia utama, tempoh minimum kontrak pekerjaan dengan PPT hendaklah sekurang-kurangnya 3 tahun.
- iii. Untuk kes-kes tertentu jika perlu, penyelia bersama boleh dilantik dalam kalangan pakar industri, tertakluk pada kelulusan Senat PPT.

Nisbah keseluruhan penyelia utama-pelajar – 1:7\*

\*Nota: Nisbah keseluruhan penyelia utama-pelajar adalah termasuk pelajar ijazah sarjana dan PhD. Keperluan ini tidak mengambil kira penyeliaan kertas projek yang kurang daripada 6 jam kredit.

## PEMBANGUNAN STAF

Staf akademik penting dalam menyampaikan program yang berkualiti dan melaksanakan pengajaran berkesan bagi menghasilkan graduan yang boleh bekerja dan diterima industri. Oleh sebab industri yang dinamik dan dipengaruhi secara global, staf akademik perlu sentiasa mengemas kini diri dengan perubahan di seluruh dunia. Oleh itu, PPT perlu memastikan bahawa semua staf akademik dilengkapi dengan pengetahuan semasa dan kemahiran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. PPT perlu menyediakan program-program pembangunan yang berikut, antara lain:

- i. Meningkatkan kelayakan akademik dan profesional yang lebih tinggi.
- ii. Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)\* untuk staf sepenuh masa mengikut pengkhususan yang memerlukan sekurang-kurangnya 40 jam (bersamaan dengan 7 hari) latihan yang berkenaan setiap tahun atau penyertaan atau penglibatan dalam bidang kepakaran masing-masing
- iii. Latihan mengenai pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Penyertaan sangkutan industri.
- v. Penyelidikan, perundingan dan penglibatan khidmat masyarakat

\*Nota: CPD boleh mengandungi pembentangan di persidangan, menghadiri persidangan profesional, ahli akademik yang diiktiraf / kelayakan profesional, self-directed study, latihan / bimbingan / tunjuk ajar dan penyertaan dalam persatuan profesional.

## SUMBER PENDIDIKAN

“Sumber pendidikan yang secukupnya adalah perlu untuk menyokong segala kegiatan pengajaran-pembelajaran sesuatu program. Sumber ini termasuk kewangan, kepakaran, infrastruktur fizikal, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kemudahan penyelidikan. Kemudahan fizikal sesuatu program biasanya ditentukan oleh keperluan sesuatu bidang pengajian” (COPPA, 2010, ms.32).

Bagi program Muamalat dan Kewangan Islam, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dikehendaki menyediakan sumber yang mencukupi dan kondusif untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam bidang berkaitan. Bagi bilik kuliah dan tutorial, serta sokongan / kemudahan teknikal, ruang yang mencukupi untuk menampung pembelajaran berpusatkan pelajar perlu disediakan. Bagi penyelidikan dalam program pascasiswazah, calon harus disediakan dengan kawasan kerja yang kondusif.

PPT dikehendaki menyediakan sumber yang mencukupi untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bidang di pelbagai tahap kelayakan. Institusi perlu memastikan bahawa sumber pendidikan dan kemudahan latihan yang disediakan menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh bidang pengajian yang berkaitan. Sumber-sumber pendidikan yang disyorkan untuk program perakaunan termasuk:

- Sokongan teknikal / kemudahan
- Bilik Kuliah (dengan kemudahan audiovisual yang mencukupi)
- Perpustakaan / pusat sumber (termasuk bahan online)
  - Standard yang berkaitan (contoh IFRS, ISA, MFRS, IPSAS)
  - Akta yang berkaitan (contoh Accountants Act 1967, Companies Act 1965, Income Tax Act 1967)
  - Kod yang berkaitan (contoh Kod Etika, Kod Tadbir Urus Korporat)
  - Jurnal perakaunan dan lain-lain yang berkaitan (sama ada dalam talian atau salinan cetak)
- Akses internet
- Akses yang mencukupi kepada perisian perakaunan dan pengauditan mengikut keperluan pelajar dan program

- Makmal komputer
- Ruang / stesen bekerja

Bagi program pascasiswazah, sumber pendidikan tambahan adalah disyorkan termasuk:

- Pangkalan data yang berkaitan
- Pakej statistik yang berkaitan
- Perisian analisis data yang berkaitan
- Perisian citation dan referencing yang berkaitan
- Bilik siswazah dan kemudahan dengan akses kepada Internet

## PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM

“Penambahbaikan kualiti menuntut agar program sering dipantau, disemak dan dinilai. Kegiatan ini mencakupi memantau, menyemak dan menilai struktur dan proses institusi (struktur pentadbiran, kepimpinan dan governan, mekanisme perancangan dan semakan), komponen kurikulum, (sukatan pelajaran, kaedah pengajaran, hasil pembelajaran) di samping kemajuan, prestasi dan kebolehpasaran pelajar. Maklum balas daripada pelbagai sumber, seperti pelajar, alumni, staf akademik, majikan, badan profesional dan ibu bapa akan membantu dalam meningkatkan kualiti program. Maklum balas juga boleh diperolehi melalui analisis prestasi pelajar dan daripada kajian datar.

Prestasi pelajar boleh diukur melalui purata tempoh pengajian, markah penilaian, kadar kelulusan dalam peperiksaan, kadar kejayaan dan keciciran, laporan pelajar dan alumni berhubung pengalaman pembelajaran mereka, di samping waktu yang digunakan pelajar dalam bidang minat tertentu mereka. Penilaian terhadap prestasi pelajar dalam peperiksaan dapat menghasilkan maklumat yang berguna. Di mana pemilihan pelajar telah dilakukan dengan sempurna, kadar kegagalan yang tinggi dalam sesuatu program menggambarkan wujudnya kepincangan sama ada dalam kandungan kurikulum berkenaan, dalam kegiatan pengajaran-pembelajaran atau dalam sistem penilaian. Jawatankuasa program perlulah memantau kadar prestasi setiap kursus dan menyiasat sekiranya didapati kadar tersebut terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Maklum balas daripada pelajar, yang diperolehi misalnya melalui soal selidik dan perwakilan dalam jawatankuasa program, berguna untuk mengenal pasti masalah tertentu dan untuk menambah baik program. Satu kaedah menilai keberkesanan program ialah kajian datar siswazah berkenaan. Jabatan perlu mempunyai mekanisme untuk memantau prestasi siswazah dan untuk memperoleh persepsi masyarakat dan majikan terhadap kekuatan dan kelemahan siswazah, dan untuk bertindak balas sewajarnya” (COPPA, 2010, ms.36).

PPT harus melibatkan pihak berkepentingan dalam menyediakan input untuk pemantauan dan semakan program. Input daripada badan profesional perakaunan

seperti MIA, MICPA, ACCA, CIMA, IIA, CITM, ICAEW, CPA Australia, industri, badan kawal selia serta kerajaan perlu dipertimbangkan untuk pemantauan dan semakan program, terutamanya bagi Ijazah Sarjana Muda. PPT harus memastikan penubuhan Lembaga Pengajian untuk program perakaunan yang terdiri daripada wakil daripada pelbagai pihak berkepentingan. PPT perlu merujuk kepada Laporan Hala Tuju Program Perakaunan yang diinisiatifkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terutamanya bagi program ijazah sarjana muda.

Bagi program pascasiswazah, PPT perlu mematuhi standard pascasiswazah MQA. PPT digalakkan untuk memastikan perbandingan dengan universiti antarabangsa yang mempunyai kedudukan yang baik. PPT perlu melaksanakan dasar pemantauan dan semakan bagi memastikan pelajar pascasiswazah penyelidikan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh masa yang munasabah. Pengawasan bersama harus digalakkan dengan penyelia dari dalam dan luar negara. PPT perlu mewujudkan mekanisme untuk memastikan kualiti hasil penyelidikan seperti penerbitan buku oleh penerbit terkemuka, penilaian keserakanan jurnal antarabangsa, cadangan dasar dan lain-lain.

## KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN

“Terdapat pelbagai cara mentadbir sesebuah Institusi Pendidikan dan kaedah pengurusannya berbeza antara Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Walaupun begitu, governan yang mencerminkan kepimpinan sesebuah organisasi pendidikan mestilah menumpukan penekanan ke atas aspek kecemerlangan dan kesarjanaan. Di peringkat jabatan, adalah amat penting bagi kepimpinan menyediakan garis panduan dan hala tuju yang jelas di samping membina perhubungan antara pelbagai kumpulan berdasarkan semangat keserakanan dan ketelusan, mengurus kewangan dan sumber-sumber lain dengan penuh tanggungjawab dan mengadakan perkongsian bersama pihak berkepentingan utama dalam bidang penyampaian, penyelidikan serta perundingan pendidikan. Kepimpinan jabatan hendaklah sentiasa mencurahkan dedikasi dalam segala usaha akademik dan kesarjanaan. Walaupun ikatan yang formal dapat menjamin dan mempertahankan hubungan-hubungan sebegini, ia paling berkesan dibangunkan melalui satu budaya hubungan timbal balik permuafakatan dan komunikasi terbuka” (COPPA, 2010, ms.38).

### 36

Dokumen ini tidak akan membangkitkan sebarang isu governan dan pentadbiran memandangkan ia lebih tertumpu di peringkat institusi berbanding dengan program. Dalam program ini, kepimpinan akademik lebih tertumpu kepada orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk menjalankan pemantauan kurikulum dan kajian pembangunan perakaunan yang diperlukan. Ketua program harus menunjukkan pengetahuan tentang prinsip perakaunan dan mencerminkan sifat dan nilai etika yang baik dalam amalan kerja.

Keperluan kepemimpinan bagi standard program ini adalah komplemen kepada Bidang 8, dokumen COPPA. Justeru, jawatan spesifik dan jawatan kepimpinan program (contohnya, Penyelaras, Ketua Jabatan atau Ketua Program) yang ditawarkan pada tahap berbeza di PPT **hendaklah memenuhi kelayakan asas seperti yang ditetapkan di Bahagian 7: Staf Akademik standard** ini dan mana-mana kriteria yang ditetapkan oleh PPT. Pemilihan calon perlu mengambil kira semua amalan baik dan prosedur yang patut ditetapkan oleh PPT.



## **PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN**

“Tuntutan masyarakat terhadap akauntabiliti PPT terus meningkat. Keperluan terus berubah, disebabkan kemajuan dalam sains dan teknologi dan ledakan pertumbuhan pengetahuan global yang semakin pantas serta luas tersebar. Dalam menghadapi segala cabaran ini, PPT tidak mempunyai pilihan selain menjadi organisasi pendidikan dinamik yang perlu secara sistematik dan berterusan, memantau dan mengkaji pelbagai isu demi merealisasikan segala tuntutan persekitaran yang sentiasa berubah ini” (COPPA, 2010, ms.41).

PPT dijangka akan memberi bukti keupayaan untuk bersaing dengan perubahan dalam bidang perakaunan dan keperluan pihak berkepentingan. Ini boleh ditunjukkan, tetapi tidak terhad pada:

- i. Kajian kurikulum menyeluruh perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap 2 ke 5 tahun. Walau bagaimanapun, pengemaskinian kurikulum perlu dijalankan lebih kerap supaya selaras dengan perkembangan semasa.
- ii. Proses penilaian kualiti berterusan oleh penilai luaran yang berkeelayakan dalam bidang yang berkaitan.
- iii. Menanda aras berterusan terhadap universiti terkemuka di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- iv. Jalinan hubungan dengan badan profesional, agensi kerajaan dan industri yang berkaitan.
- v. Penyemakan berterusan amalan industri melalui penglibatan dengan pengamal industri.
- vi. Sesi dialog bersama pihak berkepentingan sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun.
- vii. Penyertaan secara aktif staf akademik dalam persidangan, seminar, bengkel dan kursus pendek yang berkaitan.
- viii. Pembentangan oleh penceramah jemputan sama ada tempatan atau antarabangsa.
- ix. Penganjuran persidangan, seminar dan bengkel.

## RUJUKAN


1. Agensi Kelayakan Malaysia (2007). Kerangka Kelayakan Malaysia - KKM. Malaysia
2. Agensi Kelayakan Malaysia (2008). Kod Amalan Akreditasi Program-COPPA. Malaysia
3. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). Hala Tuju 2: Laporan Penilaian Semula Program Perakaunan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia 2006. Malaysia

**SENARAI AHLI PANEL**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Organisasi</b>
1.	Abdul Rahim Abdul Rahman (Prof. Dr) -Pengerusi-	Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)
2.	Amat Taap Mashor (Dr.)	Finance Accreditation Agency (FAA)
3.	Ibrahim Kamal Abdul Rahman (Prof. Dr.)	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
4.	Kalsom Salleh (Prof. Madya Dr.)	Institut Akauntan Malaysia (IAM)
5.	Nurmazilah Dato' Mahzan (Dr.)	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
6.	Rasmuna Hussain (Pn.)	Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL)
7.	Susela Devi A/P K. Suppiah (Prof. Dr.)	Universiti Malaya (UM)
8.	Takiah Mohd Iskandar (Prof. Dr.)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

## **KERANGKA KONSEPTUAL PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual pendidikan perakaunan yang diguna pakai oleh kebanyakan negara yang melihat pendidikan perakaunan secara menyeluruh merangkumi aspek kelayakan akademik, kebolehan profesional, pengalaman kerja yang relevan dan pendidikan pasca kelayakan iaitu pendidikan profesional berterusan. Setiap aspek tersebut melibatkan persekitaran yang berbeza. Dalam hal ini, institusi pendidikan menyediakan persekitaran bagi membina pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan. Tempat kerja membekalkan pengalaman praktikal dan kompetensi profesional bagi menguji kebolehan akauntan. Sementara persekitaran kerjayanya menentukan perkembangan berterusan akauntan dan profesion perakaunan. Kerangka konseptual pada Rajah 1 berasaskan konsep pembelajaran sebagai proses berterusan yang bermula daripada persekitaran akademik dan sehingga pendidikan professional sepanjang hayat. IPT seharusnya memberi perhatian terhadap kurikulum dalam persekitaran akademik dan memastikannya memenuhi harapan profesional dalam pembentukan pelajar untuk menjadi akauntan profesional.



Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), Hala Tuju 2 Laporan Penilaian Semula Program Perakaunan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia 2006, Malaysia.


**Rajah 1:** Kerangka Konseptual Pendidikan Perakaunan

Sifat semula jadi peranan akauntan memberi khidmat profesional yang diperlukan oleh semua sektor menjadikannya sentiasa terdedah kepada beberapa perubahan persekitaran diantaranya termasuk perubahan persekitaran ekonomi, perniagaan, perundangan dan politik. Selaras dengan itu, kurikulum program perakaunan memerlukan penilaian semula dan pengemaskinian secara berterusan agar sentiasa relevan dan memberi nilai tambah kepada pelajar dan semua pihak berkepentingan termasuk industri, pengamal profesion perakaunan, badan pengawalselia dan kerajaan serta badan profesional dalam dan luar negara.

Fokus laporan ini adalah pada komponen akademik. Sehubungan itu, bahagian ini membincangkan proses pendidikan perakaunan secara menyeluruh dan peranan IPTA sebagai peneraju utamanya, implikasi penguatkuasaan IES oleh IFAC dan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh MIA dalam melengkap jurang yang wujud daripada penguatkuasaan IES. Untuk memahami peranan IPTA dan MIA dalam menangani implikasi penguatkuasaan IES, bahagian berikut menerangkan laluan akauntan di Malaysia.

### **Laluan Sebagai Akauntan Bertauliah di Malaysia**

Untuk menjadi seorang akauntan bertauliah di Malaysia, dengan gelaran Chartered Accountant, seorang individu itu perlu menjadi ahli MIA. Graduan perakaunan dengan tiga tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan boleh memohon untuk menjadi ahli MIA dan seterusnya layak memohon lesen untuk mengamalkan profesion tersebut. Rajah 2 berikut menunjukkan laluan tiga kategori kelayakan yang diiktiraf oleh Akta Akauntan 1967.



Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), Hala Tuju 2 Laporan Penilaian Semula Program Perakaunan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia 2006, Malaysia.

**Rajah 2:** Lualan Sebagai Akauntan Bertauliah di Malaysia

## Implikasi IES 5 dan IES 6 Terhadap Laluan Sebagai Akauntan

Penguatkuasaan IES 5 dan IES 6 memberi kesan terhadap laluan untuk menjadi akauntan seperti dibincangkan di atas. Piawaian tersebut menuntut setiap akauntan mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kompetensi yang kukuh dalam perniagaan dan amalan perakaunan tempatan dan global. Akauntan sewajarnya mempunyai keupayaan mengintegrasikan konsep perniagaan dan amalan perakaunan, mempamerkan kemahiran kepimpinan, menganalisis dan mengkomunikasi pengetahuan kewangan dan perakaunan yang kompleks serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap piawaian etika profesion.

Berdasarkan laluan yang sedia ada, beberapa kekurangan yang mungkin mengekang proses pembentukan akauntan yang bersifat global sebagaimana disarankan dalam IES 5 dan IES 6 telah dikenal pasti iaitu:


- (a) Tidak wujud mekanisme untuk melaksanakan penilaian kompetensi profesional seperti dalam IES 6. Sebagai pengawalselia amalan profesion perakaunan, MIA tidak mempunyai kuasa di bawah perundangan yang ada untuk mewujudkan mekanisme tersebut.
- (b) Tidak wujud mekanisme pemantauan terhadap pengalaman kerja tiga tahun yang disyaratkan untuk layak memohon keahlian MIA. Pemantauan berterusan selama tiga tahun perlu dilakukan untuk memastikan pengalaman kerja yang diperolehi itu akan meningkatkan kompetensi profesional akauntan yang menanggung MIA.

## Penyelarasan Kerangka Konseptual Pendidikan Perakaunan

Bagi mengambil kira implikasi piawaian pendidikan antarabangsa seperti dibincangkan di atas, kerangka konseptual yang jelas, menyeluruh dan bersepadu perlu diwujudkan bagi mengatur keperluan kemasukan akauntan profesional. Kerangka konseptual mengandungi tiga komponen penting yang berasingan tetapi saling berkait di antara satu sama lain. Komponen tersebut termasuk pengetahuan, kemahiran dan nilai etika. Gabungan secara kolektif ketiga-tiga komponen tersebut ditakrifkan sebagai kompetensi yang perlu ada pada akauntan profesional.



Rajah 3 menunjukkan cadangan laluan untuk menjadi akauntan bertauliah dengan menambahkan peranan MIA untuk memantau keperluan pengalaman kerja tiga tahun bagi memenuhi keperluan IES 5 dan menyediakan kemudahan menilai kecekapan dan kompetensi bakal akauntan bagi memenuhi keperluan IES 6.



Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), Hala Tuju 2 Laporan Penilaian Semula Program Perakaunan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia 2006, Malaysia.

**Rajah 3:** Cadangan Laluan Menjadi Akauntan Bertauliah

Bahagian berikut, membincangkan peranan IPT dan MIA dalam merealisasikan kerangka konseptual pendidikan perakaunan dan cadangan laluan akauntan bertauliah di negara ini.

### **Peranan Institusi Pengajian Tinggi**

IPT memainkan peranan utama dalam menyediakan graduan perakaunan yang berkeelayakan. Graduan IPT ini merupakan input kepada profesion perakaunan dan seterusnya menyambung pendidikan dan latihan perakaunan melalui program profesional yang disediakan oleh profesion tersebut. Selaras dengan itu, IPT seharusnya memastikan graduan mempunyai pengetahuan dan kemahiran intelektual, teknikal, inter-personal, komunikasi, ICT dan pengurusan organisasi serta mempunyai sifat berhemah dan berjiwa mulia. Setelah menamatkan pengajian, proses pembinaan kecekapan akauntan seterusnya dipupuk melalui latihan yang dijalankan oleh pengamal perakaunan. Sehubungan itu, tanggungjawab MIA terhadap pembentukan kompetensi profesional melalui pemantauan pengalaman kerja bakal ahli adalah sangat penting.

Laporan ini memfokus pada kompetensi graduan perakaunan pada masa mereka meninggalkan IPT. Oleh itu, laporan ini mengguna pakai pendekatan yang berpandukan pada hasil pembelajaran program dalam penggubalan kurikulum yang sesuai bagi program sarjana muda perakaunan di IPT. Perlu diingatkan bahawa kebolehan dan kompetensi graduan yang baru dilahirkan pada akhir program tidak seharusnya disamakan dengan tahap kompetensi calon yang sudah bersedia memasuki profesioan perakaunan sebagai akauntan. Walau bagaimanapun, Laopran Hala Tuju 2 ini mencadangkan IPT berusaha menyediakan pembentukan kompetensi pelajar melalui kursus kajian kes bersepadu, kurikulum menyeluruh dan pedagogi pengajaran berpusatkan pelajar yang masing-masing menekankan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai etika yang diperlukan.

### **Peranan MIA**

Sebagai badan pengawalselia, MIA mempunyai tanggungjawab menentukan keperluan terperinci pendidikan pra dan pasca kelayakan dan program pembangunan profesional. Sebagai anggota IFAC juga, MIA perlu memastikan

keperluan IES dipenuhi dalam membangun program pendidikan berterusan. MIA sewajarnya memainkan peranan dalam memberi input kepada pihak berkuasa berhubung dengan penerapan IES dalam sistem pendidikan perakaunan profesional di negara ini.

Di samping mekanisme yang sedia ada pada MIA, Laporan Hala Tuju 2 mencadangkan peranan berikut bagi tujuan pengiktirafan kelayakan yang tiada dalam Bahagian I dan II, Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967:

- (a) MIA sebagai sebuah badan pengawalselia, harus memainkan peranan memantau keperluan pengalaman kerja tiga tahun yang diperolehi oleh graduan yang menjadi syarat kelayakan mendaftar sebagai ahli MIA. Peranan ini selaras dengan keperluan IES 5 tentang pengalaman praktikal, agar pengalaman yang diperolehi oleh ahli MIA sesuai untuk pembangunan kepakaran akauntan.
- (b) MIA juga mengambil peranan dalam penilaian kompetensi bakal ahli seperti yang diperlukan oleh IES 6. Dicadangkan agar penilaian kompetensi berbentuk bengkel kajian kes dilaksanakan bagi menguji keupayaan menganalisis kes komprehensif yang menyepadukan semua bidang berkaitan dengan organisasi perniagaan.
- (c) MIA mewujudkan mekanisme penyemakan program perakaunan dengan mengguna pakai Laporan Hala Tuju 2 sebagai tanda aras dalam proses tersebut.

## BADAN PENGETAHUAN

SIJIL	
BADAN PENGETAHUAN	INDIKATIF TOPIK
1. Perakaunan Kewangan dan Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan perakaunan dalam organisasi dan masyarakat</li> <li>• Kerangka kerja konseptual asas dan kawal selia</li> <li>• Persamaan perakaunan</li> <li>• Kitaran perakaunan dan kawalan dalaman termasuk tunai, jualan, belian, inventori dan penggajian</li> <li>• Catatan pelarasan dan penutupan, dan pembetulan kesilapan</li> <li>• Penyediaan imbalan duga</li> <li>• Penyediaan penyata kewangan milik tunggal</li> <li>• Penyesuaian tunai runcit</li> <li>• Penyesuaian bank</li> <li>• Penyesuaian akaun belum terima dan akaun belum bayar</li> <li>• Perakaunan hartanah, loji dan peralatan</li> <li>• Rekod tidak lengkap dan catatan tunggal</li> <li>• Perakaunan kelab dan organisasi tanpa untung</li> <li>• Perakaunan perkongsian</li> <li>• Akaun perkilangan</li> <li>• Pengenalan sistem percukaian Malaysia</li> </ul>
2. Perakaunan Kos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem pengekosan atau perakaunan kos</li> <li>• Bahan, buruh dan overhead syarikat perkilangan</li> <li>• Pengekosan kerja dan pengekosan berkelompok</li> <li>• Pengekosan perkhidmatan</li> <li>• Pengekosan sut and serapan</li> </ul>
3. Sistem Perakaunan Berkomputer	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gambaran keseluruhan sistem perakaunan berkomputer</li> <li>• Penggunaan pakej perisian perakaunan kewangan</li> </ul>

<b>DIPLOMA</b>	
<b>BADAN PENGETAHUAN</b>	<b>INDIKATIF TOPIK</b>
1. Perakaunan & Pelaporan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan perakaunan dalam organisasi dan masyarakat</li> <li>• Kerangka kerja konseptual asas dan kawal selia</li> <li>• Persamaan perakaunan</li> <li>• Kitaran perakaunan dan kawalan dalaman termasuk tunai, jualan, belian, inventori dan penggajian</li> <li>• Catatan pelarasan dan penutup, dan pembetulan kesilapan</li> <li>• Akaun kawalan</li> <li>• Penyediaan imbalan duga</li> <li>• Penyediaan set lengkap akaun perniagaan tunggal dengan pelarasan</li> <li>• Penyesuaian tunai runcit</li> <li>• Penyesuaian akaun bank</li> <li>• Perakaunan inventori</li> <li>• Perakaunan akaun belum terima</li> <li>• Perakaunan aset ketara bukan semasa</li> <li>• Rekod tidak lengkap dan catatan tunggal</li> <li>• Perakaunan perkongsian</li> <li>• Perakaunan cawangan</li> <li>• Perakaunan kelab dan organisasi tanpa untung</li> <li>• Akaun perkilangan</li> <li>• Penyediaan penyata kewangan syarikat</li> <li>• Piawaian perakaunan berkaitan syarikat persendirian</li> <li>• Pengenalan penstrukturan semula modal termasuk penebusan saham</li> <li>• Pengenalan penstrukturan semula syarikat</li> <li>• Perubahan struktur perniagaan</li> <li>• Pengenalan perakaunan kumpulan</li> </ul>
2. Perakaunan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem pengekosan atau perakaunan kos</li> <li>• Bahan, buruh dan overhead syarikat perkilangan</li> <li>• Pengekosan kerja dan pengekosan berkelompok</li> <li>• Pengekosan perkhidmatan</li> <li>• Pengekosan sut and serapan</li> <li>• Pengekosan kontrak</li> <li>• Pengekosan proses dan keluaran bersama dan keluaran sampingan</li> <li>• Analisis kos volum untung</li> <li>• Pembelanjawan</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos standard dan analisis varians</li> <li>• Pembuatan keputusan jangka pendek</li> <li>• Keputusan penetapan harga</li> <li>• Persekitaran perniagaan moden dan perakaunan pengurusan</li> </ul>
3. Percukaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas cukai pendapatan di Malaysia</li> <li>• Status pemastautin individu</li> <li>• Pendapatan pekerjaan</li> <li>• Pendapatan pelaburan</li> <li>• Pendapatan perniagaan</li> <li>• Elaun modal</li> <li>• Bantuan dan rebat</li> <li>• Perkongsian</li> <li>• Pentadbiran cukai</li> <li>• Tempoh asas</li> <li>• Elaun modal</li> <li>• Cukai korporat</li> </ul>
4. Pengauditan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Objektif dan skop audit penyata kewangan</li> <li>• Kerangka kerja dan keperluan kawal selia</li> <li>• Tugas dan tanggungjawab juruaudit</li> <li>• Sistem kawalan dalaman</li> <li>• Bukti dan prosedur audit</li> <li>• Dokumentasi audit</li> <li>• Perancangan audit</li> <li>• Audit kitaran perniagaan termasuk kitaran jualan dan penerimaan, pembelian dan pembayaran, penggajian, tunai dan inventori</li> <li>• Audit penyata pendapatan, aset, liabiliti dan ekuiti</li> <li>• Laporan audit</li> <li>• Kesan teknologi maklumat terhadap audit</li> </ul>
5. Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gambaran keseluruhan sistem maklumat perakaunan</li> <li>• Teknologi komunikasi dan multimedia</li> <li>• Penggunaan hamparan kerja dalam perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan dan pengurusan kewangan</li> <li>• Penggunaan pakej perisian perakaunan kewangan</li> <li>• Pengawalan sistem maklumat berasaskan komputer</li> </ul>

**IJAZAH SARJANA MUDA**

<b>BADAN PENGETAHUAN</b>	<b>INDIKATIF TOPIK</b>
1. Perakaunan Kewangan Dan Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peranan perakaunan dalam organisasi dan masyarakat</li><li>• Rangka kerja kawal selia kewangan di Malaysia</li><li>• Kerangka kerja konseptual laporan kewangan</li><li>• Perakaunan ukuran - kos sejarah dan nilai saksama</li><li>• Asas penyediaan penyata kewangan termasuk perekodan, persamaan perakaunan, kitaran perakaunan, pelarasan, pembalikan, dan catatan penutupan.</li><li>• Penyediaan imbalan duga dan set penuh penyata kewangan</li><li>• Pengiktirafan hasil</li><li>• Perakaunan tunai</li><li>• Perakaunan inventori</li><li>• Perakaunan akaun belum terima</li><li>• Perakaunan akaun belum bayar</li><li>• Perakaunan ekuiti</li><li>• Perakaunan peruntukan dan liabiliti kontingen</li><li>• Perakaunan hartanah, loji dan peralatan (pengiktirafan dan pengukuran awal, pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan aset tidak ketara (pengiktirafan dan pengukuran awal , pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan hartanah pelaburan (pengiktirafan dan pengukuran awal , pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan aset pertanian biologi (pengiktirafan dan pengukuran awal , pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan aset kewangan dan liabiliti kewangan (pengiktirafan dan pengukuran awal , pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan pajakan (pengiktirafan dan pengukuran awal, pengukuran berikutnya, nyah pengiktirafan dan pendedahan)</li><li>• Perakaunan cukai pendapatan</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perakaunan urusniaga berasaskan Islam</li> <li>• Penyediaan akaun kumpulan</li> <li>• Analisis penyata kewangan</li> <li>• Perkembangan semasa di IASB dan MASB</li> </ul>
2. Perakaunan Pengurusan dan Kawalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat pengurusan</li> <li>• Klasifikasi kos dan tingkah laku kos</li> <li>• Elemen kos</li> <li>• Kaedah pengekosan</li> <li>• Sistem pengumpulan kos</li> <li>• Pengekosan berdasarkan aktiviti</li> <li>• Persekitaran perniagaan moden dan perakaunan pengurusan</li> <li>• Analisis kos volum untung</li> <li>• Pembelanjawan</li> <li>• Kawalan belanjawan</li> <li>• Pengekosan standard dan analisis varian</li> <li>• Pembuatan keputusan jangka pendek</li> <li>• Pembuatan keputusan jangka panjang</li> <li>• Evolusi terhadap perakaunan pengurusan</li> <li>• Perakaunan pengurusan strategik</li> <li>• Sistem pengurusan prestasi</li> <li>• Kawalan pengurusan bagi organisasi yang desentralisasi</li> <li>• Penetapan harga pindahan</li> <li>• Isu terhadap motivasi, tingkah laku, etika dalam penilaian prestasi</li> <li>• Kemajuan dalam perakaunan pengurusan termasuk perakaunan persekitaran</li> </ul>
3. Percukaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas cukai pendapatan Malaysia</li> <li>• Cukai pendapatan peribadi termasuk pekerjaan, pendapatan pelaburan dan pendapatan perniagaan</li> <li>• status pemastautin individu</li> <li>• Bantuan dan rebat</li> <li>• Perkongsian</li> <li>• Pentadbiran cukai</li> <li>• Cukai korporat</li> <li>• Tempoh asas</li> <li>• Elaun modal</li> <li>• Potongan dibenarkan</li> <li>• Cukai pegangan dan perjanjian cukai dua kali</li> <li>• Cukai keuntungan hartanah untuk individu dan syarikat</li> <li>• Insentif Pelaburan</li> <li>• Cukai tidak langsung</li> <li>• Dividen dan imputasi sistem</li> </ul>



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insentif cukai</li> <li>• Perancangan cukai individu</li> <li>• Perancangan cukai syarikat</li> <li>• Penyusunan semula syarikat</li> <li>• Audit cukai</li> <li>• Penyiasatan cukai</li> <li>• Perlindungan cukai</li> <li>• Amanah pelaburan hartanah</li> <li>• Harta pusaka</li> <li>• Amanah</li> <li>• Cukai ke atas urusanniaga berasaskan Islam</li> <li>• Zakat individu dan korporat</li> <li>• Struktur Kerajaan dan Rangka Kerja Undang-undang</li> </ul>
4. Perakaunan Sektor Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perakaunan pengurusan dan kawalan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembelanjawan sektor awam</li> <li>- Jenis teknik pembelanjawan</li> <li>- Kawalan belanjawan</li> </ul> </li> <li>• Perakaunan dan pelaporan kewangan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Asas sistem perakaunan</li> <li>- Perakaunan kumpulan wang</li> <li>- Perakaunan terakru</li> <li>- Pelaporan kewangan</li> </ul> </li> <li>• Audit dan akauntabiliti <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerangka akauntabiliti</li> <li>- Audit dalaman dan audit luaran</li> <li>- Pengukuran prestasi</li> <li>- Organisasi '<i>Supreme Audit</i>'.</li> </ul> </li> </ul>
5. Audit dan Jaminan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerangka kerja audit (IFAC, MIA, Suruhanjaya Sekuriti, piawaian pengauditan dan badan profesional)</li> <li>• Objektif dan skop pengauditan penyata kewangan</li> <li>• Sistem kawalan dalaman</li> <li>• Kawalan kualiti firma</li> <li>• Perancangan audit dan risiko audit</li> <li>• Kematikan</li> <li>• Persampelan audit</li> <li>• Bukti audit dan tatacara pengauditan</li> <li>• Dokumentasi audit</li> <li>• Audit kitaran perakaunan termasuk hasil, belian, penggajian, tunai dan stok</li> <li>• Audit item kunci kira-kira termasuk hartanah, loji dan peralatan, liabiliti jangka panjang dan ekuiti pemegang saham</li> <li>• Laporan audit</li> <li>• Kod etika juruaudit</li> <li>• Impak teknologi maklumat terhadap</li> </ul>

	<p>proses audit</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan audit dalaman</li> <li>• Pengenalan audit syariah</li> <li>• Tadbir urus korporat dan peranan juruaudit luaran</li> <li>• Liabiliti juruaudit</li> <li>• Kesan pasca kunci kira-kira</li> <li>• Audit Kumpulan</li> <li>• Penggunaan kerja orang lain</li> <li>• Penipuan penyata kewangan</li> <li>• Khidmat jaminan</li> <li>• Khidmat bukan jaminan</li> <li>• Perkembangan dan isu-isu semasa dalam pengauditan</li> </ul>
6. Nilai dan Etika Profesional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Etika perniagaan</li> <li>• Etika perakaunan</li> <li>• Undang-undang kecil IAM</li> <li>• Kod etika dan tingkah laku profesional</li> </ul>
7. Tadbir Urus Korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teori tadbir urus korporat termasuk teori agensi, teori pengawasan, teori akauntabiliti, teori pihak berkepentingan</li> <li>• Perlembagaan dalam tadbir urus korporat</li> <li>• Kerangka kerja tadbir urus korporat</li> <li>• Kod tadbir urus korporat</li> <li>• Model tadbir urus korporat</li> <li>• Tadbir urus perusahaan</li> </ul>
8. Sistem Maklumat Perakaunan (SMP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gambaran keseluruhan SMP dan konsep sistem</li> <li>• Pemprosesan maklumat dan teknologi dan SMP</li> <li>• Kitaran urusanniaga perniagaan dan aplikasi SMP</li> <li>• Keselamatan sistem dan kawalan dalaman.</li> <li>• Strategi sistem maklumat termasuk Sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP)</li> <li>• Kitaran hayat pembangunan sistem termasuk perancangan, analisis, reka bentuk, perubahan, pelaksanaan dan penilaian</li> <li>• Pendekatan lain pembangunan sistem</li> </ul>

Nota: Bagi ijazah sarjana dan PhD, PPT boleh menggunakan budi bicara untuk menentukan keluasan dan kedalaman badan ilmu perakaunan.

## **CADANGAN TATANAMA PROGRAM BAGI BIDANG PERAKAUNAN**

### **SIJIL**

Sijil Perakaunan (*Certificate in Accounting or Certificate of Accountancy*)

### **DIPLOMA**

Diploma Perakaunan (*Diploma in Accounting or Diploma of Accountancy*)

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (*Bachelor in Accounting or Bachelor of Accountancy*)\*

\*Nota: Tatanama umum adalah Sarjana Muda Perakaunan atau Ijazah Sarjana Muda Perakaunan. Walau bagaimanapun, mana-mana pengkhususan akan dicerminkan oleh tatanama dalam kurungan contohnya, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kewangan) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Cukai). Bagi program yang mengandungi pengkhususan, PPT perlu mematuhi keperluan MQF iaitu sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah keseluruhan kredit program.

### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS DAN SECARA MOD CAMPURAN**

Ijazah Sarjana Perakaunan (*Master in Accounting or Master of Accountancy*)\*

\*Nota: Tatanama umum adalah Sarjana Perakaunan atau Ijazah Sarjana Perakaunan. Walau bagaimanapun, mana-mana pengkhususan akan dicerminkan oleh tatanama dalam kurungan sebagai contoh, Sarjana Perakaunan (Perakaunan Forensik) dan Sarjana Perakaunan (Cukai). Bagi program yang mengandungi pengkhususan, PPT perlu mematuhi keperluan MQF iaitu sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah keseluruhan kredit program.

### **IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN**

Ijazah Sarjana Perakaunan (*Master in Accounting or Master of Accountancy*)

**PhD**

Doktor Falsafah (PhD) Perakaunan (*Doctor of Philosophy (PhD) in Accounting or Doctor of Philosophy (PhD) of Accountancy*)

**SENARAI UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN**

Untuk badan pengetahuan yang dinyatakan dalam **Lampiran 3**, rujukan hendaklah dibuat kepada undang-undang berikut yang terpakai di Malaysia:

1. *Accountants Act 1967*
2. *Anti Money Laundering Act 2001*
3. *Banking and Financial Institutions Act 1967*
4. *Companies Act 1965*
5. *Financial Reporting Act 1997*
6. *Financial Services Act 2012*
7. *Income Tax Act 1967*
8. *Partnership Act 1961*
9. *Relevant Acts related to Public Sector Accounting*
10. *Securities Industry Act 1983*

Nota: Senarai di atas bukanlah senarai yang lengkap





## **AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14B, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel	+603-7968 7002
Faks	+603-7956 9496
Emel	<a href="mailto:akreditasi@mqa.gov.my">akreditasi@mqa.gov.my</a>
Laman web	<a href="http://www.mqa.gov.my">www.mqa.gov.my</a>